

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL

Kes kematian doktor pelatih

Agensi diminta beri kerjasama siasatan

Kuala Lumpur: Semua agensi di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) diarah memberi kerjasama penuh kepada Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF), yang ditubuhkan bagi menyiasat kes kematian pegawai pelatih perubahan dan dakwaan budaya buli dalam perkhidmatan kesihatan.


Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata beliau mengeluarkan arahan itu, yang memberi kebebasan kepada Pasukan Petugas Khas berkenaan untuk melakukan apa saja yang perlu dalam melaksanakan tugas mereka.

"Saya tidak ganggu kerana ini pasukan petugas bebas dan mereka berjanji untuk menghantar laporan kepada saya dalam masa dua bulan.

"Sekarang, kita beri peluang kepada pasukan ini untuk buat kerja. Pasukan ini boleh tanya apa saja soalan, kepada sesiapa saja dan tiada apa yang disembunyikan daripada pasukan ini.

"Pasukan ini boleh jumpa doktor pelatih dan mana-mana pegawai untuk mendapatkan maklumat," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



Khairy (dua dari kanan) melancarkan Persidangan Hari Asma Sedunia 2022 dan laman web Asthma Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

pada pemberita selepas melancarkan Persidangan Hari Asma Sedunia 2022 dan laman web Asthma Malaysia di sini, semalam.

Jumaat lalu, Khairy mengumumkan lapan anggota HWCITF, yang dipengerusikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir. Pasukan Petugas Khas itu sudah pun mengadakan mesyua-

rat pertama, Isnin lalu.

Sementara itu, Khairy menyifatkan rakyat Malaysia kini mempunyai kesedaran yang tinggi dalam mencegah penularan COVID-19 dan mampu untuk menjayakan fasa peralihan ke endemik.

Khairy berkata, rakyat lebih peka dan tahu untuk hidup dengan pandemik itu, termasuk dalam melaksanakan kawalan sendiri

dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kita lihat dari segi tingkah laku, rakyat Malaysia sangat baik dalam fasa peralihan ini. Di kawasan terbuka pun, mereka masih lagi pakai pelitup muka. Mereka tahu jika ada gejala, jangan keluar dan perlu asingkan diri.

"Ini satu perisai yang penting, selain vaksinasi kita yang tinggi," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : LOKAL

JUMLAH KES MENINGKAT BERKALI GANDA

LETUSAN HFMD

Berkumpul ketika sambutan Aidilfitri, pembukaan semula sekolah dan tempat kerja sepenuhnya secara fizikal dikenal pasti sebagai penyumbang utama punca lonjakan kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) terutama dalam kalangan kanak-kanak bawah usia tujuh tahun.
lapor Amir Abd Hamid

- ▶ JANGKITAN DI SELANGOR MASIH TERKAWAL
- ▶ KES NAIK 10 KALI GANDA DI TERENGGANU
- ▶ 5 DAERAH DI SABAH REKOD PENULARAN TERTINGGI



MSB

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

7 kematian akibat Covid-19 kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,079,745 atau 30.4 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKI-ds) setakat kelmarin.

Menurut laman web COVIDNOW, sebanyak 1,653,491 kanak-kanak atau 46.6 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun pula, 2,906,702 atau 93.4 peratus sudah lengkap menerima vaksinasi manakala 3,003,996 atau 96.5 peratus daripada kumpulan sama menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 16,071,981 atau 68.3 peratus golongan dewasa menerima dos peng-

galak manakala 22,971,916 atau 97.6 peratus lengkap dua dos dan 23,247,755 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 10,981 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin melibatkan 3,254 dos pertama, 5,266 dos kedua dan 2,461 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,722,028.

Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, tujuh kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin, masing-masing satu kes di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak manakala tiga di Pulau Pinang. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

LETUSAN HFMD SATU MALAYSIA: PAKAR BERI PENDAPAT

Sebab penularan serius

Beraya adalah punca jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) melonjak ketika ini dalam kalangan kanak-kanak bawah usia tujuh tahun.

Pakar Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Bashirun berkata, perkumpulan kanak-kanak pada musim perayaan Aidilfitri ini menjadikan lebih mudah berlaku penularan virus itu.

Katanya, cara jangkitan itu menular senang terjadi kerana berjangkit melalui titisan air liur dan titisan di udara.

"Faktor menjadikan senario punca jangkitan HFMD lebih melonjak ialah hari raya (Aidilfitri), pembukaan sekolah dan tempat kerja sepenuhnya secara fizikal.

"Ketika hari raya, ramai saudara-mara dan rakan taulan membawa anak beraya dan membiarkan mereka mereka bermain dengan rakan lain.

"Berkongsi mainan antara puncanya. Ini kerana tingkah laku kanak-kanak usia bawah tujuh tahun gemar memasukkan barang permainan di dalam mulut.

"Apabila kena air liur, kemudian diletakkan semula di lantai, budak lain pula ambil dan memasukkan dalam mulut lalu berlaku jangkitan jika virus HFMD itu ada," katanya.

Beliau berkata, biasanya ibu bapa meletakkan banyak mainan di satu tempat supaya menjadi lokasi anak berkumpul untuk bermain.

Katanya, jika tingkah laku memasukkan mainan dalam mulut tidak dilarang dan kumpulan kanak-kanak lain pula datang serta berbuat perkara sama, jangkitan HFMD berlaku teru-

tama sekiranya ada daripada kalangan kumpulan terbabit membawa virus.

"Penularan HFMD berlaku sangat cepat. Di sekolah jika kanak-kanak yang mempunyai jangkitan berpelukan dan bersentuhan, ia boleh menular.

"Selain itu, apabila ibu bapa bekerja biasanya mereka hantar anak ke taska atau pusat asuhan.

"Ada ibu bapa tiada rasa tanggungjawab sosial, sudah tahu anak demam, mempunyai ulser di mulut atau ada melepuh namun masih menghantar anak ke taska atau pusat asuhan," katanya.

Menurutnya, secara kebetulan penyebaran HFMD berlaku semasa musim perayaan dan rantaian itu dipercayai berterusan dari rumah ke rumah terbuka, pusat asuhan, taska dan sekolah.

Katanya, tindakan pencegahan perlu dibuat ialah sama seperti Covid-19 iaitu kena putus rantaian virus itu.

"Paling utama dinasihatkan kepada ibu bapa yang ada anak mempunyai simptom seperti demam, ruam di tapak tangan atau kaki dan kurang selera makan, minta tolong asingkan anak.

"Jangan bawa anak ke tempat yang ada kanak-kanak lain termasuk taska, sekolah, taman permainan mahu pun berhari raya.

"Cari alternatif untuk jaga anak di rumah. Biasanya HFMD pulih dalam lima hingga tujuh hari. Jadi ibu bapa yang bekerja kena bergilir-gilir ambil cuti untuk jaga anak," katanya.

Selain itu, Dr Hanafiah



PENYEBARAN HFMD berlaku semasa musim perayaan dan rantaian dipercayai berterusan dari rumah ke rumah terbuka, pusat asuhan, taska dan sekolah.

berkata, lakukan pensanitasi atau nyahkuman dengan sekerap boleh termasuk di barang permainan, sebarang permukaan berpotensi terkena sentuhan dan anak dijangkiti itu terutama penjagaan kebersihan tangan mereka.

Katanya, ini supaya anak atau kanak-kanak lain yang bermain berikutnya tidak dijangkiti virus pada permukaan berkenaan.

"Mereka nak main namun bukan mereka tahu ia ada virus. Jadi kita yang kena pastikan kebersihan persekitaran mereka.

"Punca HFMD adalah virus. Sekiranya jangkitan berlaku lebih sekali terhadap seorang kanak-kanak, ia berpunca daripada dua virus berlainan iaitu Coxsackie Virus A16 (CA16) dan Enterovirus 71 (EV 71) yang bertindak balas dengan imun kanak-kanak itu.

"Virus ini kerjanya melompat dari rantaian perumah ke perumah yang lain. Jadi apabila duduk rapat dan berkongsi barang yang sama, rantaian itu tidak putus. Sebab itu elakkan perkumpulan beramai-ramai waktu ini," katanya.

Menurutnya, jika ada juga kanak-kanak yang datang bermain beraya, pastikan buat pembersihan sanitasi atau nyahkuman dengan menggunakan langkah pencegahan seperti Covid-19 sebab virus akan mati dengan alkohol.

Katanya, disiplin tinggi menjaga kebersihan boleh memutuskan rantaian itu namun beliau meramalkan penularan HFMD hanya menurun sehingga habis musim perayaan.

"Mungkin kena tunggu hingga Syawal habis. Budaya kita memang suka beraya. Selagi tak berhenti be-

raya, selagi itu risiko jangkitan itu ada.

Mengenai rawatan, katanya, tiada ubat khusus untuk merawat HFMD namun masalahnya jika anak ada ulser dalam mulut selalunya tidak mahu makan dan minum seterusnya boleh menyebabkan dehidrasi.

Katanya, jika berlaku, selain guna gel untuk rawatan ulser itu, alternatif lain boleh gunakan picagari untuk masukkan air ke dalam badan anak.

"Jangan biar anak dehidrasi sehingga dirawat di wad. Biasanya budak atau bayi tidak mahu sedut atau minum air cara biasa sebab sakit ulser itu.

"Jadi alternatifnya masukkan air ke dalam mulut mereka menggunakan picagari.

"Untuk ruam ada ubat sapu dan biasa juga diberikan ubat demam," katanya sam-

bil menjelaskan HFMD tiada risiko kematian.

Namun, katanya, HFMD bahaya untuk golongan rentan termasuk pesakit kanser dan kanak-kanak yang mempunyai imun atau sistem pertahanan badan yang rendah kerana dibimbangi berlaku komplikasi.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Rosnah Sutan berkata, kajian mengenai persepsi diterbitkan baru-baru ini mendapati tahap pengetahuan ibu bapa mengenai HFMD masih rendah iaitu 34.4 peratus.

Beliau berkata, kepentingan promosi kesihatan bagi meningkatkan amalan pencegahan perebakan penyakit HFMD dalam kalangan kanak-kanak dan rakan mereka perkara utama perlu ditekankan.

"Teknik pencegahan penyakit HFMD mudah dengan mengamalkan amalan mencuci tangan secara tujuh langkah betul, memantau gejala dan mendapatkan pemeriksaan untuk pengesanan serta pengasingan dari orang lain jika didiagnosa sebagai HFMD," katanya.

Selasa lalu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi tahun ini, sehingga hari terakhir Minggu Epidemiologi (ME) ME 19/2022 pada 14 Mei lalu, sejumlah 31,661 kes HFMD dilaporkan.

Katanya, ia peningkatan sebanyak 15 kali ganda berbanding 2021 pada ME yang sama di mana ketika itu hanya sejumlah 2,121 kes dilaporkan.

Selepas kena Covid-19, kini dijangkiti penyakit HFMD

Kuala Lumpur: "Kasihannya Aisar, selepas dijangkiti Covid-19 kini kena penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) pula," kata Wardah Zakaria, 37, ibu Aisar Muhammad Rodi yang berusia 10 bulan.

Menurut Wardah, anak bongsu daripada enam beradik itu disahkan dijangkiti pada 16 Mac lalu, dua bulan selepas pulih daripada dijangkiti Covid-19.

Katanya, dia tidak me-

nyangka penyakit itu menjangkiti anaknya kerana sebelum ini dia hanya mendengar pengalaman daripada rakan yang melalui situasi sama.

Menurutnya, Aisar menunjukkan simptom HFMD selepas mengambalnya dari pusat asuhan kanak-kanak berdekatan kawasan perumahan di Alor Setar, Kedah.

"Sebaik tiba di rumah, saya mendapati badannya pa-

nas. Apabila saya tengok di langit mulutnya, kelihatan ruam berbintik kecil dan merah.

"Saya risau melihat keadaan anak dan terus menelefon pusat asuhan itu sebelum dimaklumkan terdapat seorang kanak-kanak mempunyai simptom sama.

"Esoknya, saya ke klinik kesihatan berdekatan rumah dan doktor mengesahkan anak saya menghidapi

penyakit HFMD apabila terdapat simptom penyakit itu di tapak tangan, mulut dan kaki," katanya.

Wardah berkata, dia terkejut dan dalam masa sama sedih melihat keadaan anaknya kesakitan terutama ketika menyusui dan merengek setiap masa kerana tidak selesa.

"Aisar tidak boleh ditinggalkan bersendirian, malah setiap malam saya dan suami berganti untuk men-

jaganya," katanya yang juga seorang guru.

Tambahnya, dia difahamkan penyakit itu mengambil masa lama untuk sembuh kerana walaupun ruam sudah kering, kulit akan mengelupas dan ia masih berpotensi dijangkiti.

"Saya sentiasa menyapu ubat krim (*calamine*) untuk meredakan kegatalan dan ruam. Sebagai ibu saya sangat sedih melihat Aisar yang menderita.

"Cukuplah saya melihat anak saya menderita dengan jangkitan Covid-19 kerana simptom virus itu hampir dua bulan dalam badan anak saya.

"Kini, saya lebih berhati-hati dengan penjagaan di sekeliling Aisar untuk memastikan dia sentiasa selamat dan dihindarkan penyakit," katanya Aisar belum menunjukkan tanda untuk pulih daripada penyakit HFMD.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Tiada keperluan tutup lagi

Kuala Terengganu: Tiada keperluan taska dan tadika di Terengganu ditutup walaupun berlaku peningkatan kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu Datuk Dr Kasemani Embong berkata, wabak berkenaan masih terkawal walaupun ia menunjukkan peningkatan 10 kali ganda dalam tempoh 1 Januari hingga 17 Mei lalu.

Menurutnya, berkata, seta-

kat kelmarin sebanyak 1,182 kes dilaporkan berbanding hanya 103 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Katanya, arahan penutupan taska dan tadika akan dilakukan sekiranya berlaku penularan yang teruk.

"Mengenai penutupan, kita akan melihat situasi mengikut keadaan di satu-satu taska, kalau kata taska itu memang ada penularan yang teruk, kita akan buat arahan untuk menutup," katanya.

KES HFMD DI SELANGOR

Masih lagi terkawal

Bernama

Shah Alam

Kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Selangor masih dalam keadaan terkawal dan tiada keperluan untuk menutup taska, tadika dan pusat jagaan harian di negeri itu.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebarang kes penutupan premis itu atas nasihat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor terutamanya apabila melihat jumlah kes yang semakin tinggi dan perebakan yang semakin membimbangkan.

"Saya akan bemesyuarat dengan pihak kementerian (Kementerian Kesihatan) kerana ada benda yang saya nak tanya lebih lanjut mengenai HFMD. Memang kes semakin meningkat dan keadaan terkawal tapi belum sampai tahap penutupan

(taska, tadika dan pusat jagaan harian).

"Mungkin selepas (musim) Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya kita akan tengok lagi kesannya," semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan Selangor menyumbang jumlah kes terbesar HFMD dengan 8,864 kes iaitu 28 peratus daripada keseluruhan, diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya - 4,421 kes (14 peratus), Sabah - 2,650 kes (8 peratus), Perak - 2,638 kes (8.0 peratus) dan Kelantan - 2,493 kes (7.9 peratus), sementara negeri-negeri lain melaporkan kurang daripada 1,500 kes.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes penyakit HFMD di negara ini meningkat pada kadar membimbangkan iaitu sebanyak 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lepas dengan 31,661 kes dilaporkan.

Sabah mencatatkan peningkatan tinggi

Kota Kinabalu: Sabah mencatat peningkatan kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang sangat tinggi dengan 2,834 kes direkodkan dari Januari hingga 16 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata, jumlah itu jauh berbeza berbanding 55 kes dilaporkan tempoh sama pada tahun lalu.

Katanya, lima daerah mencatat kes tertinggi iaitu Tawau (435 kes), Sandakan (387 kes), Lahad Datu (308 kes), Kota Belud (244 kes) dan Papar (229 kes).

Beliau bagaimanapun berkata, tiada kes kematian disebabkan HFMD dilaporkan di Sabah setakat ini.

"Sebanyak 93.1 peratus kes kanak-kanak berusia kurang daripada enam tahun. Transmisi jangkitan majoritinya berlaku di rumah persendirian atau pusat pendidikan awal," katanya.

Dr Rose Nani berkata, penyakit HFMD kebiasaannya menjangkiti kanak-kanak di bawah umur 10 tahun yang menyebabkan lepuhan berisi air muncul di tangan, kaki dan dalam mulut.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Johor kurang 18,000 jururawat, ramai hijrah ke Singapura

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU - Johor berdepan masalah kekurangan antara 15,000 hingga 18,000 jururawat setelah ramai yang berhijrah dan bekerja dalam sektor perkhidmatan kesihatan di Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, kerajaan negeri akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bagi membincangkan isu itu.

Ujarnya, isu itu bukan hanya melibatkan jururawat, malah melibatkan golongan doktor di beberapa hospital negeri ini kerana menerima tawaran yang lebih baik di Singapura.

Ketika ini, katanya, nisbah seorang jururawat untuk 297 pesakit berbanding nisbah yang sepatutnya iaitu seorang jururawat untuk 200 pesakit.

"Kita tidak ada statistik khusus berapa ramai jururawat dan doktor kita yang bekerja di Singapura tetapi bilangannya semakin bertambah setiap tahun disebabkan menerima tawaran



TIAN SOON (tengah, depan) menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Majlis Hari Jururawat Peringkat Negeri Johor di Johor Bahru semalam.

lebih baik.

"Kita juga menjangkakan lebih ramai akan bekerja di Singapura kerana nilai ringgit yang semakin susut ketika ini. Namun, saya percaya ramai jururawat yang masih mahu berkhidmat di negara ini.

"Difahamkan antara sebab

jururawat kita bekerja di Singapura kerana menerima gaji seperti gaji seorang doktor pakar di Malaysia apabila sudah ditukar mata wang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Juru-

rawat Peringkat Negeri Johor di Pusat Konvensyen Persada Antarabangsa, di sini semalam.

Ujar beliau, setakat ini terdapat 12,533 jururawat di negeri ini melibatkan 8,777 jururawat yang berkhidmat di hospital kerajaan, 19 berstatus jururawat kontrak

dan 3,737 adalah jururawat di hospital swasta.

"Jumlah perjawatan bagi jururawat di negeri ini sudah 98 peratus diisi tetapi masih lagi tidak cukup memandangkan program kesihatan dan perkhidmatan semakin bertambah selain kewujudan hospital baharu," katanya.

Ujarnya, pertemuan dengan Khairy Jamaluddin nanti akan membincangkan kaedah serta tawaran terbaik bagi mengatasi masalah itu.

Jelasnya, ia termasuk memberi tawaran yang baik kepada jururawat dan doktor dalam masa sama menghalang mereka daripada berhijrah ke Singapura.

"Antara yang akan dicadangkan nanti adalah menawarkan lepasan universiti untuk mengambil kursus kejururawatan sebelum menyerap mereka dalam sektor perkhidmatan kesihatan di negeri ini.

"Tahap keperluan jururawat di negeri ini masih belum kritikal tetapi ketidakcukupan itu perlu diisi supaya perkhidmatan kesihatan tidak terjejas selain dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan berkesan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA



MURID di Tadika Comelku di Setapak, Kuala Lumpur memakai pelitup muka semasa melakukan aktiviti dalam kelas. - FARIZ RUSADIO

2,017 kes Covid-19 dilaporkan kelmarin

PUTRAJAYA - Jangkitan Covid-19 merekodkan 2,017 kes termasuk melibatkan empat kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,479,809.

Berdasarkan COVIDNOW, sebanyak 2,548 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan pesakit sembuh sebanyak 4,417,694.

"Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (850 kes), Kuala Lumpur (383 kes), Pulau Pinang (145 kes), Negeri Sembilan (129 kes), Perak (94 kes), Melaka

(91 kes), Johor (63 kes) dan Kedah (64 kes).

"Seterusnya, Sarawak (51 kes), Sabah (42 kes), Putrajaya (39 kes), Pahang (26 kes), Terengganu (19 kes), Kelantan (13 kes), Labuan (lima kes) dan Perlis (3 kes)," katanya semalam.

Dalam masa sama, tujuh kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,630 kes serta tiga kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID 7,548 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Khairy berkata demikian berikutan kes Covid-19 tidak naik mendadak selepas sambutan Aidilfitri

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana berjaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk mengawal jangkitan Covid-19 pada musim perayaan ini.

Beliau berkata, ia dibuktikan apabila jangkaan ramai pihak bahawa jangkitan wabak itu akan naik mendadak selepas sambutan Aidilfitri tidak berlaku.

"Tahniah rakyat Malaysia. Kita melihat dari segi tingkah laku rakyat Malaysia sangat baik dalam fasa peralihan endemik. Di kawasan terbuka luar pun masih lagi pakai pelitup muka.

'Tahniah rakyat Malaysia kerana berjaya patuh SOP'



Khairy (kanan) menerima cenderamata daripada Pengasas Bersama Ashma Malaysia, Dr Helmy Haja Mydin pada Program Hari Asma Sedunia 2022 di Kuala Lumpur pada Khamis.

"Maknanya, rakyat Malaysia sudah tahu macam mana hendak hidup dengan Covid-19 dan mereka juga tahu sekiranya ada

gejala, jangan keluar, jangan campur dengan masyarakat untuk asingkan diri.

"Jadi nampak rakyat

Malaysia memang ada kemampuan untuk menjayakan fasa peralihan ke endemik ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program Hari Asma Sedunia 2022 di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai jangkaan pihak tertentu bahawa kes Covid-19 akan naik mendadak selepas sambutan Aidilfitri tetapi apa yang berlaku ketika ini adalah sebaliknya.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, selain mematuhi SOP yang baik dalam kalangan rakyat negara ini, faktor vaksinasi tinggi juga mendorong kejayaan Malaysia membendung jangkitan wabak yang boleh membawa

maut itu.

"Vaksinasi ini membantu mengurangkan kesan yang buruk (kepada pesakit Covid-19) dan kita tengok sekarang

ini hospital kita tidak lagi penuh dengan kes Covid-19.

"Keadaan ini membolehkan banyak kes lain dapat kita selesaikan sekarang bagi tumpuan asma dan penyakit serius yang lain," katanya.

Ujarnya, tahap pematuhan tinggi yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia ini juga secara tidak langsung turut membolehkan pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kesihatan tidak perlu lagi menguatkuasakan undang-undang dengan memberikan kompaun seperti mana yang dilaksanakan sebelum ini.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Malaysia mungkin guna cannabidiol dalam rawatan perubatan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menolak akan menggunakan cannabidiol atau CBD dalam rawatan perubatan di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, langkah itu boleh dilakukan sekiranya kajian yang dijalankan menunjukkan bukti klinikal (*evidence based*).

"Tidak mustahil kita juga akan menggunakannya untuk rawatan jika ia boleh memberi kebaikan," katanya pada sidang akhbar sempena sambutan Hari Kajian Klinik di sini pada Khamis.

Menurutnya, penggunaan CBD dalam rawatan menjadi bualan pelbagai pihak selepas terdapat beberapa negara menggunakannya untuk merawat pesakit kronik.

"Di Malaysia kita belum boleh bergerak seperti negara luar kerana ia masih di peringkat awal dan KKM terbuka dalam ujikaji klinikal," katanya.

Beliau berkata, prosedur untuk melakukan kajian terhadap CBD akan memakan masa yang panjang berikutan

terikat dengan undang-undang.

"Sekarang kanabis berada di bawah akta racun, jadi ada banyak yang perlu diselesaikan," katanya.

Noor Azmi berkata, langkah berhati-hati perlu dibuat bagi memastikan keselamatan terjamin.

"Tidak boleh lepas sewenang-wenangnya kerana kita bimbang sekiranya berlaku penyalahgunaan selain pemantauan kesan sampingan perlu dibuat," katanya.

Cannabidiol merupakan antara bahan aktif di dalam kanabis dan tidak menyebabkan ketagihan.

Kanabis atau nama saintifiknya cannabis, adalah tumbuhan daripada keluarga Cannabaceae.

Antara spesies pokok daripada genus cannabis ialah cannabis sativa, cannabis indica dan cannabis ruderalis.

Tumbuhan itu menghasilkan kompaun dipanggil cannabinoid dan difahamkan



DR NOOR AZMI

terdapat lebih 100 jenis cannabinoid di dalamnya, paling lazim ditemui adalah ialah CBD dan THC (Delta 9 tetrahydrocannabinol).

Bagaimanapun kadar kandungan CBD dan THC dalam setiap varieti tumbuhan itu adalah berbeza.

Marijuana misalnya, antara tumbuhan kanabis dengan kandungan THC yang sangat tinggi, berbeza dengan hemp yang langsung tidak mempunyai THC tetapi tinggi kandungan CBD.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar ketika sesi pengumuman Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 peringkat dasar baru ini dilaporkan berkata, pihak berkenaan boleh mengemukakan permohonan penggunaan kanabis untuk perubatan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) bagi dinilai dan didaftarkan sekiranya ada bukti saintifik mencukupi.

Kes buli doktor: Khairy jamin tidak ganggu tugas pasukan petugas khas

KUALA LUMPUR - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memberi jaminan beliau tidak akan mengganggu atau mencampuri tugas yang akan dijalankan pasukan petugas khas bebas untuk menyiasat isu buli di semua hospital di bawah kementerianannya.

Beliau sebaliknya berkata, pasukan itu diberi kebebasan sepenuhnya untuk menjalankan apa sahaja siasatan yang dirasakan perlu bagi melengkapkan tugas mereka.

"Pasukan petugas ini sudah mengadakan mesyuarat yang pertama dan saya bagi kebebasan kepada mereka untuk buat apa sahaja.

"Saya tidak akan ganggu sebab ini merupakan pasukan petugas khas yang bebas dan mereka berjanji dalam tempoh dua bulan akan hantar laporan kepada saya.

"Jadi sekarang ini kita bagi peluang kepada pasukan petugas khas ini untuk buat kerja mereka," katanya di sini pada Khamis.

Tambahnya, dalam masa sama beliau juga telah mengarahkan semua agensi di bawah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan kerjasama terbaik kepada pasukan petugas khas tersebut.

"Semua pihak perlu memberikan kerjasama kepada pasukan petugas khas ini dan mereka boleh berjumpa dengan sesiapa sahaja pegawai atau kakitangan semua agensi di bawah KKM.

"Mereka tidak perlu menyembunyikan apa-apa daripada pasukan petugas khas ini supaya semua maklumat diperolehi," katanya.

Pada 13 Mei lalu, Khairy mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas bebas susulan insiden melibatkan kematian seorang pegawai perubatan siswazah (PPS) di Hospital Pulau Pinang (HPP) serta laporan dan aduan yang diterima berkaitan kejadian buli serta masalah tekanan mental yang dihadapi kakitangan kesihatan di bawah kementerianannya.

Pasukan petugas itu dianggotai kumpulan pakar dan dipengerusikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

HFMD: Tiga negeri catat peningkatan kes

KUALA LUMPUR - Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Sabah, Terengganu serta Perak terus menunjukkan peningkatan namun masih terkawal.

Di **SABAH**, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Rose Nani Mudin memaklumkan setakat 16 Mei lepas, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah melaporkan 2,654 kes penyakit HFMD, peningkatan yang tinggi berbanding 55 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

“Sebanyak 93.1 peratus kes adalah kanak-kanak yang berumur kurang daripada enam tahun. Transmisi jangkitan majoritinya berlaku di rumah persendirian atau pusat pendidikan awal,” katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, Dr Rose Nani berkata, tiada kematian disebabkan HFMD dilaporkan setakat ini dan meminta pengusaha pusat jagaan kanak-kanak atau tadika untuk melaksanakan tindakan bagi mengelakkan penularan wabak itu di premis masing-masing.

Di **TERENGGANU**, jumlah kes wabak itu dalam kalangan kanak-kanak terus mencatatkan peningkatan dengan 1,182 kes direkodkan dari awal tahun ini hingga Selasa lepas.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani



